

Rahsia Solat Berjemaah Dari Sudut Sains Dan Agama



Oleh: Nur Syafiqah Mohd Adanan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 28 Jun 2021

Solat berjemaah kurang mendapat sambutan dan dipandang remeh pada masa kini. Antara sebabnya adalah masyarakat kurang kesedaran dan pengetahuan terhadap kelebihan dan keistimewaan yang bakal diperoleh dengan menunaikan solat berjemaah.



Gambar hiasan

Amalan itu sangatlah dituntut dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat bersama orang-orang yang rukuk.” (Surah al-Baqarah, ayat 43)

Mungkin ramai antara kita yang masih meragui mengapa perlu melaksanakan solat secara berjemaah sedangkan ia boleh dilakukan secara bersendirian di rumah atau mana-mana tempat yang sesuai tanpa perlu bersusah payah untuk ke masjid atau surau.

Fikiran sebegini haruslah kita tepis kerana menimbulkan salah faham berhubung kemestian solat berjemaah di masjid atau surau telah menimbulkan kerumitan untuk melaksanakannya. Sedangkan, ia boleh dilakukan di mana-mana sahaja asalkan ada imam dan jemaah.

Seperti yang kita tahu, banyak kelebihan dan keistimewaan bagi hamba-Nya yang menunaikan solat secara berjemaah. Ada yang merungkai isu ini dari segi saintifik dan agama.

Pakar sains fizik dari sebuah universiti di Amerika Syarikat, Prof John Herbert dalam kajiannya mendapati, sentuhan antara bahu jemaah ketika solat mampu menyeimbangkan cas elektrik positif dan negatif yang terdapat dalam tubuh manusia, sekali gus menjadikan mereka lebih segar dan bertenaga.

“Tubuh manusia mengandungi dua cas elektrik iaitu cas positif dan negatif. Setiap aktiviti harian kita tidak kira sama ada bekerja, beribadat ataupun berehat banyak menggunakan tenaga yang menyebabkan berlakunya pertukaran cas positif dan negatif yang menyebabkan ketidakseimbangan cas tersebut di dalam tubuh.

“Ini menyebabkan tubuh berasa letih dan tidak bermaya. Oleh itu, cas itu perlu diseimbangkan semula untuk memulihkan tubuh kita, dengan cara menunaikan solat berjemaah yang merangsang proses tersebut,” katanya.

Berdasarkan hasil kajian tersebut, proses pertukaran cas ini sangat diperlukan dalam kehidupan harian sebagaimana keperluan tidur setiap hari dengan kadar tertentu.

Contohnya, solat subuh hanya dua rakaat kerana ia hanya memerlukan sedikit sahaja pertukaran cas dalam tubuh pada waktu tersebut.

Selain itu, solat zuhur dan asar memerlukan pertukaran cas yang banyak untuk menyeimbangkan cas dan mengembalikan tenaga dan kecergasan tubuh badan.

Manakala, rakaat solat maghrib dan isyak mencukupi untuk menyeimbangkan cas dalam tubuh seseorang untuk menghasilkan tenaga pada keesokan harinya.

Kelebihan solat berjemaah disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam sabda baginda yang bermaksud, “Solat berjemaah itu lebih afdal daripada sembahyang berseorangan dengan kelebihan 27 darjat.” (Riwayat al-Bukhari)

Sabda Rasulullah SAW dalam ayat di atas menunjukkan betapa Allah SWT melipatgandakan ganjaran kepada hambanya yang menunaikan solat berjemaah berbanding solat secara bersendirian walaupun tiada perbezaan dari segi fizikal, bilangan rakaat dan bacaan ketika solat.

Seorang sahabat Nabi SAW yang buta matanya iaitu Abdullah bin Ummi Maktum pernah memohon pengecualian daripada Rasulullah SAW untuk tidak solat berjemaah di masjid dengan alasan tiada orang yang memimpinya.

Walau bagaimanapun, baginda tidak memberi keringanan tersebut kerana pendengaran Abdullah masih jelas untuk mendengar azan.

Sebagai hamba Allah yang tawaduk dan istiqamah, beliau meraba-raba mencari jalan ke masjid sehingga tiga kali kaki tersadung batu, terjatuh dan terluka wajahnya.

Beliau berpatah balik ke rumah membersihkan pakaiannya dan lukanya sebelum meneruskan semula perjalanan ke masjid tanpa berputus asa.

Kesungguhan Abdullah untuk solat berjemaah seharusnya dijadikan teladan oleh kita semua yang sering bimbang akan mengalami kerugian kerana meninggalkan urusan dunia walau sebentar sahaja.

Sehubungan itu, bentukkan diri dan keluarga kita dengan solat berjemaah. Tinggalkan sekejap segala urusan dunia dan tunaikanlah tanggungjawab kita kepada Pencipta.